

12/11/2001

2,279 kontraktor kena tindakan (HL)

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Ahad - Sebanyak 2,279 kontraktor dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tahun lalu kerana pelbagai kesalahan, termasuk penipuan kerja kontrak dan menyerahkan projek kepada orang lain.

Daripada jumlah itu, 2,213 kontraktor dibatalkan pendaftarannya, 58 ditahan daripada menyertai tender baru, manakala lapan lagi digantung lesen oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kementerian Pembangunan Usahawan.

Bagaimanapun, sejak Januari hingga 5 Oktober lalu, hanya 137 kontraktor ditahan daripada menyertai tender baru dan lima lagi digantung.

Menurut Laporan Tahunan 2000 PKK, selain kesalahan penipuan kerja kontrak dan menyerahkan projek kepada orang lain, ada kontraktor yang tidak memohon pembaharuan dan gagal mengemukakan maklumat penting.

Selain itu, ada juga kontraktor yang memohon untuk dibatalkan, pemilik syarikat meninggal dunia (bagi syarikat perseorangan), memberi maklumat palsu dan kontraktor tidak dapat dikesan.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, kerajaan tidak akan memberi kontrak baru kepada mana-mana kontraktor yang menjualnya kepada pihak lain untuk mendapatkan keuntungan.

Perdana Menteri, yang kecewa dengan sikap kontraktor seumpama itu berkata, tindakan tegas perlu bagi memastikan kontraktor tulen saja berpeluang mendapatkan tender pada masa depan.

PKK ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk melahir dan membangunkan kontraktor binaan berkualiti dan berdaya saing. Hingga akhir tahun lalu, 25,731 kontraktor berdaftar dengan PKK.

Daripada jumlah itu, 21,290 atau 82.7 peratus adalah kontraktor Bumiputera dengan 16,394 (77 peratus) dalam Kelas F, manakala 4,441 (17.3 peratus) bukan Bumiputera, kebanyakannya Kelas D ke atas.

Selain itu, 24,237 kontraktor kerja awam dan 1,494 kontraktor elektrik.

Daripada 1,606 permohonan taraf Bumiputera tahun lalu, 1,191 atau 74 peratus diluluskan, berbanding 1,544 permohonan yang diterima dan 1,048 (68 peratus) yang diluluskan pada 1999.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Roslan Awang Chik ketika menyokong tindakan itu berkata, ia wajar demi menjaga nama baik kontraktor lain yang benar-benar menjalankan kerja mereka.

Beliau berkata, langkah itu juga perlu supaya tidak memberi gambaran bahawa semua kontraktor, termasuk kontraktor Melayu, menjual kontrak yang mereka peroleh kepada orang lain.

Sambil mengakui perbuatan menjual kontrak dan lesen kepada pihak lain memang berlaku, Roslan berkata tidak semua kontraktor Melayu berbuat demikian.

"Ada yang tulen dan menjalankan sendiri kontrak yang mereka peroleh. Oleh itu, kita sokong supaya beri kepada yang tulen," katanya.

(END)